

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
(KUDAT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan cawangan bank di daerah Pitas memandangkan penduduk di sini terpaksa ke daerah lain untuk mendapatkan kemudahan perbankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) dan institusi kewangan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa akses kepada perkhidmatan kewangan disediakan di seluruh negara, termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman. Hasilnya, telah ada sekurang-kurangnya satu pusat akses kewangan di kesemua 144 daerah di Malaysia sekarang.

Bank Negara Malaysia juga sedang memperluaskan lagi usaha untuk memastikan bahawa setiap mukim di Malaysia juga mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat akses kewangan, sama ada cawangan bank atau ejen bank berdaftar (EB). Akses mudah kepada perkhidmatan kewangan asas yang ditawarkan oleh bank berlesen kini disediakan oleh ejen bank seperti kedai runcit atau pejabat pos. Setakat Disember 2015, sebanyak 97.1 peratus daripada jumlah mukim di seluruh negara telah menerima perkhidmatan kewangan melalui pusat akses kewangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ejen perbankan yang dilantik oleh institusi kewangan adalah bagi menyampaikan perkhidmatan kewangan asas seperti berikut:

- (i) Mengambil deposit;
- (ii) Mengendalikan pengeluaran wang;
- (iii) Mengendalikan pindahan dana / wang;
- (iv) Menerima pembayaran pinjaman / pembiayaan;
- (v) Mengendalikan pembayaran bil; dan
- (vi) Membuka akaun simpanan (BSN sahaja)

Sehubungan itu, bagi daerah Pitas, Sabah, terdapat sebuah cawangan BSN, enam ejen BSN dan satu ejen Agrobank yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada penduduk di daerah ini.